



Rujukan Kami: PKP(8.00)96.3-7 JD.3 (18)

Tarikh: 7 Januari 2008

*Semua Ketua Jabatan Persekutuan
SARAWAK*

*Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
SARAWAK*

Tuan,

***SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK
BILANGAN 2 TAHUN 2008***

***- Permohonan Pengecualian Daripada Pematuhan Tatacara dan Peraturan
Kewangan***

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) banyak menerima permohonan pengecualian daripada mematuhi tatacara dan peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa daripada Jabatan/Agensi Persekutuan di Negeri Sarawak sepanjang tahun 2007. Contoh-contoh permohonan pengecualian yang sering dipohon adalah berkaitan dengan:

- (i) perolehan secara sebutharga/tender;
- (ii) penggunaan Syarikat yang tidak berdaftar dengan PMS;
- (iii) penggunaan Syarikat yang tidak berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK);
- (iv) penggunaan kod bidang/kelas kerja;
- (v) perolehan di luar kontrak pusat; dan
- (vi) lain-lain pengecualian.

3. PMS mendapati permohonan pengecualian sering berlaku akibat dari Pegawai-pegawai dan Kakitangan yang menguruskan hal ehwal kewangan tidak mematuhi sepenuhnya tatacara dan peraturan kewangan terutamanya semasa menguruskan perolehan. Ini disebabkan pegawai-pegawai tersebut tidak peka dengan peraturan baru serta tidak mempunyai komitmen untuk memastikan sebarang urusan kewangan yang dibuat mengikut tatacara dan peraturan yang berkuatkuasa.

...2/-

4. Pegawai dan kakitangan yang menguruskan kewangan di setiap agensi adalah dinasihatkan untuk sentiasa merujuk kepada laman web www.treasury.gov.my dan www.pmswk.gov.my untuk mendapatkan maklumat mengenai tatacara dan peraturan kewangan yang terkini yang sentiasa dikeluarkan dari masa ke semasa.

5. PMS memandang berat ketidakpatuhan atau pelanggaran tatacara dan peraturan dalam sebarang urusan berkaitan kewangan. PMS berharap pada tahun 2008, Ketua-ketua Jabatan hendaklah mengawalselia dengan lebih rapi ke atas urusan ini bagi memastikan urusan kewangan di jabatan masing-masing dilaksanakan mengikut peraturan yang ada. Mulai tahun 2008 juga, PMS tidak teragak-agak untuk menguatkuasakan apa-apa peraturan yang ada bagi memastikan pengurusan kewangan di semua Jabatan/Agensi Persekutuan di Sarawak dilaksanakan dengan teratur.

Sekian, terima kasih.

“Sentiasa Mesra, Teliti dan Cepat”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ABD. WAHID B. AHMAD)
Pegawai Kewangan Persekutuan
SARAWAK

D:\pkp2\stperolehan\pekelling2\dha